

# Rakan pintar UPM-TUOS perkenal program PhD

Oleh Norliza Abdullah

*lizz@bharian.com.my*

THE University of Sheffield (TUOS), United Kingdom memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) rakan pintar memperkenalkan program ijazah doktor falsafah (PhD) bagi membolehkan graduan mendapat pengiktirafan kedua-dua institusi pengajian tinggi berkenaan.

Pengiktirafan itu memberi nilai tambah pada setiap graduan yang mana kualiti pengajian diiktiraf peringkat global.

Naib Pro Canselor Penyelidikan TOUS, Prof Geoffrey Tomlinson, berkata pemilihan UPM berdasarkan prestasi cemerlang universiti dan jaringan antarabangsa yang dimeterai sebelum ini.

Kerjasama itu kata beliau,

menyuntik semangat penyelidik tempatan menerbitkan jurnal impak tinggi dalam tugasannya PhD sebagai rujukan tempatan dan antarabangsa.

Program dikenali Anugerah Ijazah Penyelidikan Bersama (JARD) itu memberi peluang penyelidik UPM bertindak sebagai penyelia pelajar menerusi pembabitan TUOS dengan syarikat terkemuka seperti Rolls Royce dan Boeing bagi program kejuruteraan.

Bagi merealisasikan JARD, Tomlinson berkata, pihaknya sudah memeterai memorandum persefahaman (MoA) dengan UPM dalam melaksanakan skim profesor pelawat yang diharap dapat memperkemaskan sistem penyelarasian program.

Katanya, MoA itu menuntutkan setiap calon PhD memiliki ijazah sarjana dan

sepanjang tempoh pengajian, penyelia kedua-dua universiti menilai prestasi pelajar sebelum dianugerahkan ijazah berkenaan.

Mengenai jangka masa pengajian, beliau berkata, pelajar dikehendaki memilih tempoh sesuai mengikuti pengajian mereka di UK iaitu di antara 12 hingga 18 bulan bagi melayakkan mendapat pengiktirafan.

"Calon JARD sepenuh masa boleh menamatkan pengajian minimum tiga dan maksimum empat tahun dengan syarat tempoh pengajian di salah sebuah universiti di UPM atau TUOS sekurang-kurangnya 12 bulan," katanya sempena majlis MoA di Serdang, baru-baru ini.

Geoffrey mewakili TUOS, manakala UPM oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.